

# Dr. Mahathir musnah diri sendiri - Adrian

**KUANTAN** 10 Ogos - Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata Tun Dr. Mahathir Mohamad hanya bertindak "memusnahkan diri sendiri" apabila bersekongkol dengan mereka yang kecewa dengan Umno dan kerajaan.

Berucap di hadapan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dalam lawatan kerja dua hari ke Pahang hari ini, beliau berkata tindakan Dr. Mahathir bersama-sama beberapa bekas pemimpin Umno serta mereka yang lain yang kecewa dengan Umno, menyebabkan bekas Perdana Menteri itu kini hilang pertimbangan.

"Tun yang kita sanjungi telah 'dicucuk' oleh mereka yang tidak bertanggungjawab sehingga Tun hilang pertimbangan dan membuat tuduhan yang bukan-bukan (terhadap Abdullah)," katanya pada majlis perjumpaan Perdana Menteri bersama-sama anggota Perkhidmatan Awam Negeri Pahang di sini.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaluddin Jarjis; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy; Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Datuk, Fu Ah Kiow dan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Liow Tiong Lai.



**ADNAN YAAKOB**

Adnan berkata, pelbagai tuduhan yang dibuat oleh Dr. Mahathir dilihat amat berat termasuk menjual negara.

"Kalau tuan-tuan dan puan-puan dapat jawatan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri atau menjadi Menteri Besar, bukan senang nak jual negara, setiap mereka yang dilantik menjadi Perdana Menteri itu ada sebabnya mengapa Allah melantiknya, memilihnya menjadi Perdana Menteri, jadi anggota perkhidmatan awam mesti menepis tuduhan ini," katanya.

Beliau berkata, pelbagai tuduhan yang tidak berasas itu juga

**Tun yang kita sanjungi telah 'dicucuk' oleh mereka yang tidak bertanggungjawab sehingga Tun hilang pertimbangan dan membuat tuduhan yang bukan-bukan**

**ADNAN YAAKOB**  
Menteri Besar  
Pahang

membuat Abdullah terpaksa memberi penjelasan menerusi temubual khas menerusi televisyen Isnin lepas.

"Perdana Menteri berkata kepada saya, Nan, kalau kita baik, cerdik, banyakjasa tapi kalau tak ada keikhlasan, tidak ada makna," katanya.

Adnan berkata, rakyat perlu faham bahawa Abdullah baru dua tahun memegang tampuk pemerintahan negara dan bukannya 22 tahun.

## **Pelaksanaan**

• "Dua tahun nak betulkan pelbagai perkara?" katanya.

Terdahulu Perdana Menteri diberikan taklimat mengenai pembangunan negeri dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan bagi negeri Pahang di Bilik Gerakan Negeri, Wisma Sri Pahang di sini.

Taklimat selama 40 minit itu disampaikan oleh Pengarah Pembangunan Negeri, Datuk Norzan Ahmad.

Terdahulu daripada itu, ketika berucap dalam satu majlis sambutan lawatan Perdana Menteri di Stadium Tertutup Pahang, Adnan membidas pihak yang cuba menganggu kepimpinan Abdullah menerusi Dr. Mahathir.

Beliau berkata, mereka ini dilihat cuba memperalat dan mempergunakan Dr. Mahathir untuk mengkritik kerajaan pada masa kini.

Menurutnya jasa Dr. Mahathir sangat dikenang namun tindakan pihak, yang tidak bertanggungjawab itu boleh menjejaskan perpaduan masyarakat dan negara ini.

Adnan bagaimanapun yakin penjelasan yang telah dibuat oleh Perdana Menteri sendiri terhadap kritikan Dr. Mahathir telah membolehkan rakyat memahami kedudukan atau perkara yang sebenarnya.

Lebih 10,000 orang menyambuti Perdana Menteri di stadium itu dan ramai yang membawa sepanduk menyatakan sokongan padu kepadanya.

- Bernama